

# Trauma tak terbendung

Metro 22/11/12 MS 20

## Jiwa ramai kanak-kanak Palestin terseksa akibat kekejaman berterusan rejim Zionis

**K**ANAK-KANAK berka-ki ayam mengejar satu sama lain dalam bualan di jalan raya sambil membawa senjata mainan dibuat daripada paip getah yang dihalakan ke arah langit Gaza yang sentiasa sibuk dengan pesawat F-16 dan dron pengintip Israel.

"Kami tidak gentar dengan bom Yahudi," kata Sharif al-Ewad, 15, yang kelihatan lebih muda daripada usianya kerana pipinya yang berisi.

"Al-Qassam (sayap bersenjata Hamas) bertindak lebih berani, mengalahkan mereka kali ini," katanya sambil tersenyum.

Tetapi di sebalik kata-katanya itu, wujud harapan untuk keamanan selepas serangan udara rejim Zionis selama enam hari berturut-turut yang meragut sekurang-kurangnya 65 nyawa, termasuk 20 kanak-kanak.

Dengan populasi paling muda di dunia - separuh daripada 1.7 juta penduduk Gaza berusia bawah 18 tahun - tidak ada apa yang dimiliki untuk membolehkan mereka hidup selesa, kecuali budaya perjuangan bersenjata menentang kekejaman Israel.

Rejim Zionis melancarkan



**TAK KIRA USIA...**antara kanak-kanak Gaza yang menjadi korban keganasan Israel.

operasi keganasan besar-besaran terbaru mereka Rabu lalu dengan alasan untuk menghentikan serangan roket pejuang Hamas dari Gaza.

Pakar psikologi, Hasan Ze-

vada berkata, kerana sering terdedah kepada keganasan mengejut menyebabkan ramai kanak-kanak Palestin trauma, termasuk kencing malam, mengigau, mimpi ngeri dan takut keluar ke

tempat awam.

"Sebahagian ini berkaitan dengan budaya dan agama kami yang menghargai nilai pengorbanan dan tugas. Bagi sebahagian pula ia adalah satu bentuk penafian. Adalah

normal untuk takut, tetapi dalam mesej yang mereka lihat dan dengar, mereka diajar untuk menunjukkan kekuatan," kata Pengurus Program Kesihatan Mental Komuniti Gaza itu.

"Apabila tidak ada ancaman

mereka lagi.

Tamer, yang berusia setahun dan Joumana Abu Sefan, tiga, terpelanting dari katil masing-masing dalam serangan Israel awal kelmarin. Bapa mereka, Salama, de-

*"Sebahagian ini berkaitan dengan budaya dan agama kami yang menghargai nilai pengorbanan dan tugas. Adalah normal untuk takut, tetapi dalam mesej yang mereka lihat dan dengar, mereka diajar untuk menunjukkan kekuatan"*

>Hasan Zevada

“Apabila tidak ada tempat selamat untuk dituju, mereka bertindak secara azali dengan membuat penafian. Dalam keadaan seperti di Gaza, yang terbaik boleh dilakukan keluarga dan masyarakat untuk kanak-kanak ialah berada rapat dengan mereka dan menjalani kehidupan seperti biasa yang mungkin,” katanya.

Ia bagaimanapun bukan mudah.

Dengan sekolah ditutup ketika keganasan Israel berterusan, sebahagian kanak-kanak menyuarakan kegembiraan terhadap kebebasan terbaru mereka.

“Sudah tentu kami gembira kerana tak perlu ke sekolah,” kata seorang budak.

Kenyataannya mendorong beberapa rakannya ketawa.

Sharif, yang turut berada di situ, kelihatan lebih serius.

“Tidak. Ia tidak bagus. Kami ingin belajar. Ia membosankan apabila ibu bapa cuba mengurung kami. Kami tidak gentar,” katanya.

Di seberang sempadan, sekolah Israel yang berada sekitar 40 kilometer dari Gaza, menjadi sasaran roket serangan balas pejuang Hamas.

Apa yang menyedihkan, kanak-kanak Gaza tidak mungkin dapat melihat sekolah

ngan darah mengalir deras dari mukanya kerana cedera, mengejarkan mereka ke hospital, tempat kanak-kanak itu disahkan mati.

Anggota keluarga tidak dapat menahan kesedihan ketika mayat kanak-kanak itu dikafankan.

Di majlis pengebumian, mayat itu diselimuti dengan bendera hijau Hamas, nasyid berkumandang dan pada masa sama, kanak-kanak itu diumumkan syahid. Syurga menanti mereka.

“Apa yang Israel mahukan dengan darah anak saya,” kata Salama sambil menangis.

Tetapi, seperti selalu, rejim Zionis akan menafikan dakwaan ia menyasar orang awam. Seperti selalu juga, ia akan menuduh penduduk Gaza dijadikan perisai manusia oleh pejuang Palestin.

Abdullah Zumlot, 15, yang turut berada di hospital tempat Tamer dan Joumana diisytihar meninggal dunia, mencemuh dakwaan Zionis itu.

“Tidak adil menjadikan kami sasaran. Seluruh anggota keluarga saya berada di rumah, menonton televisyen untuk mengetahui perkembangan keganasan mereka. Dan kami dibom,” katanya.

- Reuters